

17/09/2002

Bukit Aman hantar penyiasat ke Manila

Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Polis Bukit Aman akan menghantar pasukan penyiasat khasnya ke Filipina minggu ini untuk menyoal siasat seorang gadis berusia 13 tahun, yang mendakwa dirogol di pusat tahanan sementara di Sabah, sebelum dihantar pulang ke negaranya.

Timbalan Pengarah I Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Musa Hassan, berkata sesi menyoal siasat Jawina Song akan diadakan Zamboanga, Filipina.

Katanya, pasukan penyiasat itu akan diwakili tiga pegawai polis, diketuai Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Khas JSJ Bukit Aman, Asisten Komisioner Takbir Ahmad Nazir, dibantu Deputi Superintendan Yahaya Ramli, dari Bahagian Pendakwaan Bukit Aman sebagai pegawai penyiasat.

"Bukit Aman hari ini menerima surat yang memaklumkan mengenai kebenaran kerajaan dan polis Filipina untuk pasukan penyiasat kita menyoal siasat gadis berkenaan di Filipina.

"Setakat ini, persiapan sedang dilakukan dengan kerjasama Wisma Putra untuk menghantar pasukan penyiasat itu secepat mungkin," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Pasukan penyiasat khas Bukit Aman ditubuhkan pada 6 September lalu dan memulakan siasatan dua hari kemudian mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana kesalahan merogol.

Musa berkata, matlamat utama pasukan itu ialah untuk menyelesaikan kes ini dengan segera dan diharap keterangan yang lebih kukuh diperolehi apabila pasukan itu menyoal gadis terbabit.

Beliau juga lega kerana permohonan Bukit Aman untuk mendapatkan kebenaran kerajaan dan polis Filipina mendapat maklum balas segera dan positif daripada negara itu.

Sementara itu, agensi berita Reuters dari Manila melaporkan persetujuan Manila untuk membenarkan polis negara ini menyoal siasat gadis itu yang kini di bawah jagaan Jabatan Kebajikan di Zamboanga.

Selain menyoal siasat, pertemuan itu juga bagi membolehkan laporan polis dibuat dan merakamkan keterangan berhubung dakwaannya.

Agensi berita asing itu juga dipetik melaporkan, dua peguam dari Malaysia turut dilantik kerajaan Filipina untuk mengendalikan kes berkenaan dan berada di Manila sejak minggu lalu.

Dakwaan gadis itu menyebabkan Presiden Filipina, Gloria Arroyo, mengutus surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kemudiannya mengarahkan supaya siasatan dijalankan segera.